

Zuraida berkata adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memastikan rumah-rumah terbabit terjual bagi mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai landskap yang baik.

“Awak bayangkan 10 tahun akan datang kalau kita tidak clearkan hartanah ini, negara ini landskapnya adalah landskap bangunan-bangunan terbengkalai, bangunan-bangunan yang kotor dan uzur. Adakah kita nak melihat Malaysia begitu pada masa akan datang. Kita akan menyesal nanti. Jadi, kita kena menanganinya sekarang semampu boleh,” katanya.

Bagaimanapun, menurutnya penjualan rumah itu kelak tidak mudah dan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Beliau berkata KPKT bersama Kementerian Pelancongan dan Kementerian Dalam Negeri akan meneliti semula pakej Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan melihat penambahbaikan yang boleh dibuat sama ada bersesuaian dengan pelaksanaan cadangan penganjuran HOC itu.

Manakala di Iskandar Puteri, Kerajaan Negeri Johor bersetuju sekiranya kempen Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dipergiat dan diperkenalkan khususnya dalam menangani isu lambakan hartanah mewah tidak terjual di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia negeri, Dzulkefly Ahmad berkata usaha itu secara tidak langsung dapat menarik pelaburan asing terutama bagi mereka yang ingin menghabiskan persaraan di negara ini.

“Kalau buat pameran di luar negara, kita lebih setuju dipergiatkan kempen MM2H, maknanya kita menarik pelaburan mereka yang hampir bersara untuk habiskan tempoh persaraan di Malaysia,” katanya kepada pemberita selepas program Mini Karnival Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih di sini, hari ini. - BERNAMA